

24/11/2001

Tiada suaka politik untuk Nur Misuari (HL)

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Jumaat - Malaysia tidak akan memberi perlindungan kepada mana-mana pemimpin politik dalam perlarian, termasuk Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao (ARMM), Nur Misuari, yang kini diburu pihak berkuasa Filipina.

Bagaimanapun, Menteri Luar Datuk Syed Hamid Albar, berkata Malaysia berpendapat perkembangan terbaru di selatan Filipina itu perlu diselesaikan segera melalui meja rundingan.

"Secara prinsip memang kita tidak mengiktiraf perlindungan politik kepada mana-mana pemimpin politik dalam pelarian. Tetapi, kita masih belum menerima apa-apa dari dia (Misuari) atau Kerajaan Filipina.

"Apa yang kita harap dan percaya adalah segala perselisihan antara Kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) dapat diselesaikan melalui meja rundingan," katanya kepada Berita Harian, hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Ketua Perisikan MNLF, Jamsali Abdul Rahman semalam mengenai hasrat Misuari mendapatkan suaka politik daripada Kerajaan Malaysia.

Jamsali berkata, beliau akan mengemukakan permohonan rasmi kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam masa terdekat.

Misuari, yang memimpin MNLF dalam pemberontakan pemisahan berdarah pada 1970-an, mengisytiharkan peperangan baru terhadap Manila minggu lalu kerana Presiden Gloria Macapagal Arroyo menyokong calon MNLF yang bersaing pada pilihan raya dijadualkan Isnin.

Berikutan itu, Arroyo memberi tempoh 48 jam kepada Misuari untuk menarik balik keputusannya berperang dan menjelaskan fungsinya dalam pemberontakan baru-baru ini.

Kira-kira 600 penyokong bersenjata Misuari melancarkan serangan ke atas kedudukan tentera di Pulau Jolo awal minggu ini yang mencetuskan persengketaan baru.

Satu laporan agensi berita asing semalam pula melaporkan Misuari kini bersembunyi di perairan Sabah sebelum berlepas ke Arab Saudi, tetapi dinafikan oleh berkuasa Malaysia.

Syed Hamid berkata, isu perselisihan MNLF dengan Kerajaan Filipina tidak sepatutnya didebatkan dalam media massa.

"Kita merasakan ini adalah masalah dalaman Filipina. Malaysia tidak akan terbabit hingga mereka (Kerajaan Filipina) meminta bantuan. Kita tidak mahu diheret dengan masalah negara itu," katanya.

Syed Hamid berkata, media Barat mungkin mengaitkan senario politik Filipina sekarang dengan Malaysia kerana negara ini pernah terbabit dalam usaha mewujudkan kedamaian di selatan Filipina.

"Isu ini memang akan dikaitkan dengan kita kerana usaha kita dalam melahirkan kedamaian dulu. Tetapi harus diingat, usaha itu adalah atas kehendak Kerajaan Filipina," katanya.

Beliau bagaimanapun menolak kemungkinan perkembangan terbaru di Filipina itu memberi kesan limpahan kepada Malaysia dan negara Asean lain.

"Buat masa ini tak ada, tetapi kita akan berhati-hati dan sentiasa mengawasi perkembangan keselamatan di rantau ini," katanya.

Di MANILA, Pejabat Luar Filipina diminta membatalkan pasport Nur Misuari, berikutan pemberontakan yang menyebabkan lebih 100 orang mati itu, kata seorang pegawai hari ini.

Setiausaha Dalam Negeri, Jose Lina memberitahu radio DZBB, pihak

berkuasa cuba mengesahkan laporan perisikan tentera bahawa Misuari melarikan diri ke Malaysia.

"Manila meminta jabatan hal-ehwal luar supaya membatalkan pasport Misuari bagi menghadkan pergerakannya," kata Lina.

Semalam sebuah mahkamah mengeluarkan waran tangkap ke atas Misuari kerana pemberontakan, yang membawa hukuman penjara 20 tahun.

"Tidak ada cara untuk mengesahkan perkara itu buat masa ini. Bahkan tentera juga belum pasti," kata Lina berhubung laporan mengatakan Misuari melarikan diri.

(END)